



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## KENYATAAN MEDIA

### MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023

---

**PUTRAJAYA, 20 Julai 2023** - Kementerian Perpaduan Negara telah mengadakan **Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN)** pada hari ini. Mesyuarat yang diadakan kali pertama bagi tahun ini telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri II merangkap Pengerusi MPPN bagi sesi keahlian baharu dari 2023 hingga 2025. Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara selaku Timbalan Pengerusi dan barisan Ahli Majlis seramai 18 orang yang terdiri daripada tokoh-tokoh masyarakat merangkumi pelbagai sektor dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Perpaduan Negara.

MPPN ditubuhkan sebagai usaha bagi menasihati Kerajaan dalam hal ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan, usaha-usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) dari pelbagai sudut serta mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk memastikan perpaduan negara terus dipelihara agar masyarakat negara ini dapat menikmati kehidupan yang aman, sejahtera dan harmoni.

MPPN pada kali ini turut membincangkan dan berkongsi mengenai beberapa perkara utama seperti hasil kajian **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)**, **Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI**, cadangan pemerksaan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan cadangan pelaksanaan lafaz penuh ikrar Rukun Negara dalam majlis-majlis rasmi kerajaan, di sekolah-sekolah serta institut pengajian tinggi seluruh negara. Selain itu, mesyuarat ini juga mendapatkan maklum balas daripada ahli-ahli MPPN mengenai usaha dan inisiatif baharu yang telah dilaksanakan dalam memperkasa agenda perpaduan nasional.

Mesyuarat pada kali ini turut memfokuskan kepada pelaporan mengenai pelaksanaan program-program yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian di bawah ***flagship Kembara Perpaduan yang merangkumi tiga (3) kluster utama*** iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Program Komuniti Rahmah.

YAB Pengerusi menyatakan bahawa sebagai rakyat Malaysia yang cintakan perpaduan, masyarakat perlu berganding bahu untuk **menjayakan gagasan Malaysia MADANI** yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri. Usaha ini akan **mempercepatkan lagi proses pembinaan negara bangsa melalui teras perpaduan yang kukuh dalam mendepani pelbagai cabaran**. Keutuhan perpaduan adalah **kunci untuk keharmonian, kemakmuran serta kesejahteraan rakyat dan negara**. Melihat kepada senario semasa, YAB Pengerusi juga menasihatkan supaya rakyat Malaysia dapat **menjauhi sifat ekstremis yang menabur fahaman perpecahan serta menyemarakkan api perkauman** yang boleh mencetuskan perpecahan dan suasana tidak harmoni dalam negara.

YAB Pengerusi juga menekankan kepada Titah DYMM Yang DiPertuan Agong semasa majlis perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan di Kuching, Sarawak pada 21 Mei 2023 yang lalu agar **nilai perpaduan dijadikan aset negara** demi menjamin masa depan, **mengurangkan jurang perbezaan** antara rakyat negara ini dan **rumah dijadikan asas permulaan amalan perpaduan**. Justeru, titah Baginda mengenai tiga (3) perkara utama ini telah meletakkan perpaduan sebagai perkara asas dan perlu diberi tumpuan khusus.

Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab bersama ahli-ahli MPPN bagi memikirkan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan sejajar dengan kerangka perpaduan baharu yang telah dibangunkan oleh Kementerian Perpaduan Negara yang berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian bagi merealisasikan aspirasi Malaysia MADANI.

- TAMAT -

# Kementerian Perpaduan Negara

20 Julai 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:-      Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 (23)